

04 NOV 2002

BN-Pembangkang

PELAWAAN PM KEPADA PARTI PEMBANGKANG ADALAH IKHLAS. KATA DR LING

KUALA LUMPUR, 4 Nov (Bernama) -- Pelawaan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk parti pembangkang supaya menyertai Barisan Nasional (BN) adalah ikhlas dan bertujuan murni untuk mencapai perpaduan, khususnya dalam menghadapi cabaran daripada luar, kata Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik.

"Tidak ada tujuan lain langsung dalam pelawaan itu. Sepatutnya mereka mengkaji semula kebaikan untuk bersama, tetapi ini tidak diendahkan," katanya.

Dr Ling ditemui semasa menghadiri Rumah Terbuka Hari Deepavali Menteri Kerja Raya Datuk Seri S. Samy Vellu di Dewan Sekolah Menengah Chung Hwa di sini, hari ini.

Bagaimanapun, Dr Ling berkata beliau tidak terkejut dengan penolakan pelawaan itu memandangkan ia merupakan sesuatu yang dijangkakan kerana pihak pembangkang, terutamanya PAS sentiasa memandang serong terhadap sebarang usaha murni yang dibuat oleh kerajaan BN.

Presiden Gerakan Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik pula berkata penolakan pihak pembangkang itu tidak mencerminkan sesuatu yang sihat untuk masyarakat yang berbilang kaum di negara ini.

Beliau berkata ini jelas menunjukkan mereka tidak mahu berkompromi walaupun untuk tujuan yang baik, sebaliknya hanya lebih berminat untuk menumbangkan kerajaan BN.

"Parti seperti DAP sudah sedar bahawa Barisan Alternatif (BA) adalah tujuan pihak tertentu, terutamanya PAS.

Dr Lim berkata Gerakan yang pernah menjadi parti pembangkang sehingga 1969 telah mengambil inisiatif yang ditawarkan oleh Perdana Menteri Malaysia yang kedua, Tun Abdul Razak, yang menyeru supaya parti pembangkang menyertai perikatan pada masa itu bagi mengurangkan "politiking" dan bersama-sama membangunkan negara.

"Oleh itu, adalah sia-sia sahaja mereka terus untuk menjadi pembangkang dan di sini saya secara terbuka menyeru supaya DAP menyertai BN," katanya.

Presiden MIC Datuk Seri S. Samy Vellu pula berharap pihak pembangkang akan menimbang semula keputusan mereka menolak pelawaan tersebut memandangkan BN sebenarnya sentiasa terbuka untuk mereka menyertai BN demi perpaduan politik dan pembangunan negara dalam negara ini.

Ditanya sama ada penolakan terutamanya oleh PAS menunjukkan parti itu angkuh, Samy berkata "bila-bila pun PAS menolak saja kerana mereka ada agenda lain untuk bermain politik di negara ini".

Oleh itu, beliau berkata kita tidak boleh terima apa-apa daripada PAS memandangkan parti itu lebih berhasrat untuk menjaga kepentingan politik mereka dan berharap rakyat mengambil perhatian mengenai perkara ini.

Presiden Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS) Datuk Amar Leo Moggie pula berkata penolakan pelawaan Dr Mahathir oleh pihak pembangkang merupakan sesuatu yang bukan di luar dugaan.

Sementara itu, Naib Presiden UMNO, Tan Sri Muhyiddin Yassin turut menjelaskan pelawaan Dr Mahathir itu adalah ikhlas dan bukannya berniat untuk menghapuskan parti pembangkang seperti mana yang difikirkan oleh pihak pembangkang.

Beliau berkata dalam komponen BN sekalipun, terdapat pandangan yang berbeza tetapi dengan sikap terbuka, mereka dapat membuktikan sikap kompromi mereka.

"Ini berbeza dengan pihak pembangkang yang tidak boleh berkompromi,

sebab itu PAS bulat-bulat menolak pelawaan itu," katanya.

-- BERNAMA

AT ZS ZB